



INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

FORUM

AKTA HASUTAN

WAJARKAH DIKEKALKAN?

MODERATOR

YBrs. Tuan Mohamad
Siddiq Mohd Azani
Managing Partner
Siddiq Azani & Co

YBhg. Datuk Tun
Faisal Ismail Aziz
Ketua Penerangan
BERSATU
Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk
Mohd Zaid Ibrahim
Bekas Menteri
Jabatan Perdana
Menteri (JPM)

YBrs. Tuan
Zaid Abd Malek
Pengarah
Lawyers for Liberty

23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN) • 2.00 - 4.40 PETANG • PAUM CLUBHOUSE

PEMACU Wacana

Program	Forum Akta Hasutan: Wajarkah Dikekalkan?
Tarikh	23 September 2024
Masa	2:00 PM - 4:40 PM
Tempat	Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) Clubhouse

ISI KANDUNGAN

1. Informasi Program
2. Aturcara Program
3. Laporan Program
4. Perbincangan
5. Biodata Pakar Bidang
6. Senarai Kehadiran
7. Gambar Semasa Program
8. Hebahan Media Sosial

1. INFORMASI PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Tajuk Program	Forum Akta Hasutan: Wajarkah Dikekalkan
Penganjur	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
Pengenalan	<p>Akta Hasutan 1948 terus menjadi bahan kritikan pelbagai pihak selepas penggunaan undang-undang kontroversi ini menimbulkan keimbangan terhadap masyarakat dan ahli politik ekoran ramai aktivis, wartawan dan ahli politik yang pernah ditangkap mahupun didakwa di bawah Akta ini. Antara 2018 dan 2022, dilaporkan seramai 367 individu telah disiasat di bawahnya.</p> <p>Akta ini sering dilihat bercanggahan konsep dengan prinsip demokrasi dan lazimnya digunakan untuk menghukum perbezaan pendapat terhadap kerajaan. Malah, undang-undang ini mencakupi ruang yang luas sehingga tidak jelas ucapan apa yang boleh dijenayahkan dan ia sekaligus membuka kepada risiko penyalahgunaan daripada pihak berkuasa.</p> <p>Dalam hal ini, banyak negara yang mempunyai undang-undang seumpama itu telah lama memansuhkannya atau tidak lagi menggunakan. Ini termasuk United Kingdom, Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia. Pada 2021, Singapura juga telah memansuhkan undang-undang hasutannya.</p>

1. INFORMASI PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Pengenalan	<p>Terdapat pelbagai usaha untuk memansuhkan Akta Hasutan. Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pernah berjanji untuk memansuhkan undang-undang itu semasa penggal pertamanya berkuasa.</p> <p>Manifesto Pilihan Raya Umum (PRU) Pakatan Rakyat (PR) dan kini Pakatan Harapan (PH) pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, secara konsisten mengklasifikasi Akta Hasutan dalam senarai akta drakonian dan perlu dikaji semula. Malah dalam dokumen manifesto PH bagi PRU-15, Akta Hasutan masih dikategorikan sebagai 'akta zalim' yang perlu disemak dan dimansuhkan.</p> <p>Sewaktu pentadbiran kerajaan pimpinan PH 1.0 di bawah Perdana Menteri Tun Dr Mahathir pula, Kementerian Dalam Negeri (KDN) pernah menggantung sementara (moratorium) Akta Hasutan supaya tidak digunakan untuk mendakwa sesiapa. Dasar ini dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) pada masa tersebut.</p> <p>Walaupun terdapat banyak usaha yang telah disebut-sebutkan, Kerajaan kini masih menggunakan akta 'drakonian dan zalim' ini dengan siri pendakwaan terhadap tokoh dan aktivis politik dengan menggunakan Akta Hasutan yang berpotensi disalah guna untuk menyekat kebebasan bersuara.</p>

1. INFORMASI PROGRAM (III)

PERKARA	PERINCIAN
Pengenalan	<p>Pendakwaan dan siasatan menggunakan Akta Hasutan ini terus mendapat kritikan keras daripada banyak pihak seperti aktivis hak asasi dan kumpulan peguam yang secara konsisten mendesak agar ia dihapuskan atau tidak disalahgunakan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk berbincang secara ilmiah dan rasional mengenai kewajaran serta penambahbaikan kepada Akta Hasutan 1948 (Pindaan 2015).</p>
Objektif Program	<ol style="list-style-type: none">1. Mengenal pasti kerasionalan peruntukan Akta Hasutan 1948 sebagai mekanisme menjaga keharmonian kaum dan prinsip keadilan serta demokrasi di Malaysia dalam konteks perundangan [Tafsiran: 2 dan Kecenderungan Menghasut: 3(1-3)];1. Mengupas kecenderungan salah guna Akta Hasutan 1948 dalam pendakwaan dan penghukuman terhadap aktor politik, aktivis, masyarakat sivil dan lain-lain [Kesalahan: 4(1-2)]; dan1. Menyediakan platform untuk pemegang taruh mengumpulkan cadangan input ke arah pemerkasaan (pindaan atau pengantian) Akta Hasutan 1948 sebagai mekanisme perundangan untuk menjaga prinsip keharmonian, keadilan dan demokrasi di Malaysia.

1. INFORMASI PROGRAM (IV)

PERKARA	PERINCIAN
Platform	Fizikal (sesi terbuka)
Tarikh	23 September 2024
Masa	2:00 PM - 4:40 PM
Tempat	Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) Clubhouse
Tetamu Kehormat	<ol style="list-style-type: none">YB Datuk Dr. Mohd. Radzi Md. Jidin, Ahli Lembaga Pemegang Amanah MASAYBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nardin Bin Haji Awang, Ahli Lembaga Pemegang Amanah MASAYBhg. Datuk Dr. Marzuki Mohamad, Ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA
Kapasiti	250 orang, jemputan terbuka
Format Program	Susunan Teater
Format Forum	<ul style="list-style-type: none">● 3 Pusingan<ul style="list-style-type: none">○ Pusingan 1: 30 Minit○ Pusingan 2: 45 Minit○ Pusingan 3: 15 Minit● 1 Sesi Soal Jawab: 30 Minit

2. ATURCARA PROGRAM

MASA	ATURCARA
2:00 PM	Pendaftaran peserta
2:30 PM	Majlis bermula Bacaan Doa & Nyanyian Lagu Negaraku
2:40 PM	Sesi Forum
4:10 PM	Sesi Soal Jawab
4:40 PM	Minum petang dan majlis bersurai

3. LAPORAN PROGRAM

LAPORAN

Pada 23 September 2024, Institut Masa Depan Malaysia telah menganjurkan satu forum bertajuk 'Akta Hasutan: Wajarkah Dikekalkan?' bertempat di PAUM Clubhouse, Kuala Lumpur bagi membincangkan secara ilmiah dan rasional mengenai kewajaran serta penambahbaikan kepada Akta Hasutan 1948 (Pindaan 2015).

Forum ini telah menampilkan tiga orang ahli panel terkenal iaitu YBhg. Datuk Tun Faisal Ismail bin Aziz, Ketua Penerangan BERSATU Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Mohd Zaid Ibrahim, Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan YBrs. Tuan Zaid Abd Malek, Pengarah *Lawyers for Liberty*. YBrs. Tuan Mohamad Siddiq Mohd Azani dari Siddiq Azani & Co. telah bertindak sebagai moderator untuk forum ini.

Forum ini telah dihadiri oleh peserta dari pelbagai latar belakang termasuk kakitangan awam, ahli akademik dan penyelidik, badan pemikir, wakil pertubuhan masyarakat sivil, pengamal dan pemerhati politik, serta wakil media.

Menerusi perbincangan forum tersebut, dapat disimpulkan bahawa Akta Hasutan perlu segera dinilai semula dan mengambil kira tahap pengetahuan masyarakat sivil berkenaan undang-undang ini agar memastikan ruang yang adil dan selamat dapat diberikan kepada rakyat untuk bersuara dan membincangkan isu-isu penting secara matang.

4. PERBINCANGAN (I)

PERKARA	PERINCIAN
Perbincangan Pusingan 1	<p>Soalan yang diutarakan oleh moderator:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengalaman Datuk Mohd Zaid Ibrahim ditahan dan mengapa akta ini belum dimansuhkan lagi? 2. Mengapakah Akta Hasutan ini masih digunakan sedangkan kita sudah ada pelbagai akta dan set undang-undang yang amat komprehensif untuk menangani isu 3R. 3. Komitmen PH menerusi Manifestonya untuk memansuhkan akta hasutan.
Input dari Datuk Mohd Zaid Ibrahim	<p>Akta ini secara prinsipnya diwujudkan untuk menjaga keharmonian pemimpin, dan bukannya untuk keharmonian rakyat.</p> <p>Sebagai contoh, penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 pada suatu ketika dahulu <i>which has no basis because its scope is too broad – where people cannot even talk about economic and social rights, and oppressive usage by leaders</i>. Dalam konteks Malaysia, era menuju kemerdekaan sememangnya memerlukan pelbagai akta dan akhirnya berjaya dicapai. <i>Hence we should demand for repeal of draconian laws such as ISA and Akta Hasutan – as such legislations are convenient only for leaders, hard for people to know the truth.</i></p>

4. PERBINCANGAN (II)

PERKARA	PERINCIAN
Datuk Mohd Zaid Ibrahim	<p>Mutakhir ini, isu 3R secara tidak langsung berkait rapat (<i>intertwined</i>) dengan penggunaan Akta Hasutan.</p> <p>Telah mempunyai banyak pengalaman disiasat oleh pihak berkuasa termasuk pertuduhan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) 1998.</p>
Input dari Tuan Zaid Malek	<p>Tiada was-was, Akta Hasutan harus dimansuhkan, malah tiada apa-apa perbincangan yang perlu diadakan bahkan tiada apa-apa isu yang harus diperhalusi dan ditambah baik.</p> <p>Akta Hasutan merupakan satu undang-undang yang zalim dan jelas bertentangan dengan prinsip demokrasi. Di samping itu, ia juga bercanggah dengan prinsip hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>Seksyen 233 CMA 1998, permasalahan akta ini mirip seperti Akta Hasutan dari segi penggunaan frasa-frasa dalam Seksyen 233 CMA. Ini kerana wujud terma dan definisi yang sukar untuk ditentukan dan hanya boleh ditentukan oleh pihak berkuasa.</p>

4. PERBINCANGAN (III)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Tuan Zaid Malek	<p>Dari segi undang-undang lain, terdapat tanggapan yang salah oleh masyarakat bahawa kumpulan-kumpulan aktivis yang memperjuangkan kebebasan mahukan kebebasan secara mutlak atau 100%. Sebenarnya, terdapat batasan dalam memperjuangkan kebebasan bersuara iaitu tidak sehingga menganiayai individu dan masyarakat lain. Jika kebebasan bersuara mengajak ke arah keganasan dan membahayakan sesuatu komuniti, di sinilah sempadan kebebasan.</p> <p>Maka, perlu diletakkan satu sempadan kebebasan yang merangkumi aktiviti-aktiviti <i>breach of peace</i>. Ini lebih baik daripada Akta Hasutan seperti yang disebut Datuk Zaid Ibrahim kerana tiada elemen niat atau <i>mens rea</i> dalam Akta Hasutan di mana elemen niat tidak dihiraukan dalam mahkamah.</p> <p>Tidak pasti mengapa Akta Hasutan masih dikekalkan oleh kerajaan hari ini walaupun wujud undang-undang lain yang boleh menjaga aspek keharmonian dengan kondisi sosial yang hampir sama seperti dulu.</p>

4. PERBINCANGAN (IV)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Tuan Zaid Malek	3R diwujudkan untuk mengekalkan Akta Hasutan. 3R merangkumi <i>public interest discussion</i> , tidak adil kerana hanya sesetengah orang sahaja yang boleh berbincang mengenai perkara ini. Justeru, apakah rasional penggunaan Akta Hasutan mengambil kira cara ia dirangka dan elemen niat yang diketepikan dalam hal ini.
Input dari Datuk Tun Faisal Ismail Aziz	<p>Pada asasnya, Kerajaan hari ini dibentuk dengan cara penipuan selepas tamatnya PRU15 menerusi manipulasi dan penipuan oleh Pengurus BN (30 ahli parlimen BN memberi sokongan kepada PH).</p> <p>Walaupun ada pengecualian dalam akta hasutan seperti Perkara 3(2)(a) dan (b), ini tidak bermaksud Akta Hasutan ini boleh digunakan sewenang-wenangnya.</p> <p>Perdana Menteri sekarang adalah individu yang telah lama membawa slogan reformasi. Namun, ternyata pada hari ini, janji ini suatu penipuan dan manifesto ialah bukan kitab suci. Jadi, Perdana Menteri hari ini telah gagal menunaikan janji-janji dalam manifesto PH.</p>

4. PERBINCANGAN (V)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Datuk Tun Faisal Ismail Aziz	<p>Terdapat beberapa ciri dan sikap Kerajaan hari ini apabila berhadapan dengan isu Akta Hasutan yang dapat disimpulkan menerusi '4M':</p> <ul style="list-style-type: none"> ● M1: Menipu ● M2: Mabuk Kuasa (kerajaan hari ini menunggang akta zalim seperti Akta Hasutan) ● M3: Munafik (menunggang agensi kerajaan seperti SKMM dan Jabatan Peguam Negara. Sikap munafik ini jelas dalam pelbagai kes yang <i>double standard</i>: Contohnya: <ul style="list-style-type: none"> ○ Tiada tekanan mengenai isu Tan Sri Lim Kit Siang bercakap mengenai negara Islam. ○ YB Lim Guan Eng bercakap mengenai gelombang hijau yang bakal meruntuhkan rumah-rumah ibadat. ○ Kempen YB Hannah Yeoh menakutkan pengundi Selangor jika PN menang Pilihan Raya Negeri 2023, maka MB daripada parti PAS akan menguasai negeri itu. ○ Kempen Jom Ke Gereja oleh YB Hannah Yeoh. ○ Iswardy Morni tidak dikenakan tindakan apabila jelas menghina institusi raja.

4. PERBINCANGAN (VI)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Datuk Tun Faisal Ismail Aziz	<p>Sebaliknya kes-kes melibatkan pengkritik kerajaan seperti kes Chegubard, Rafique Rashid terus dikenakan tekanan. Jelas ada standard berbeza terhadap pembangkang dan kerajaan.</p> <p>M4: Mahazalim, menambah perkara yang tidak jelas ke dalam kerangka 3R. Berbanding dengan Akta Hasutan yang jelas menerangkan pelbagai perkara termasuk klausu pengecualian. Cth: Ucapan YB Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini kerana bercakap perkara yang fakta dan jelas maka telah diletakkan dalam isu 3R. Ini tidak patut berlaku.</p>
Perbincangan Pusingan 2	<p>Soalan yang diutarakan oleh moderator:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengalaman semasa mengkaji pemansuhan Akta Hasutan oleh Datuk Mohd Zaid Ibrahim. 2. Perjuangan DAP untuk memansuhkan Akta Hasutan dilihat semakin pudar, adakah ini akan memberi kesan kepada sokongan pengundi kepada PH? 3. Tafsiran Akta Hasutan yang sangat luas. Apakah <i>threshold</i> sebenar 3R dalam konteks Akta Hasutan?

4. PERBINCANGAN (VII)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Datuk Mohd Zaid Ibrahim	<p>Tumpuan pada ketika itu adalah untuk mengkaji serta memansuhkan ISA di samping memperkenalkan sistem pelantikan hakim yang lebih baik. Hasilnya, kerajaan ketika itu telah berjaya menuju <i>Judicial Appointments Commission</i> (JAC).</p> <p>Secara dasarnya, ramai rakyat percaya keharmonian Malaysia memerlukan akta ini. Pada pendapat saya ini boleh disifatkan sebagai <i>nonsense</i>. Malaysia berdepan dengan pelbagai masalah. Dalam negara yang mempunyai banyak masalah seperti hak istimewa Bumiputera, Perjanjian Malaysia 1963 (MA1963) dan lain-lain lagi.</p> <p>Jalan penyelesaian untuk memastikan keharmonian ialah "<i>people need to understand our problem</i>". Namun, masyarakat tidak akan dapat memahami masalah yang dihadapi jika mereka tidak pun diberikan ruang untuk bercakap mengenainya.</p> <p>Kebebasan bukan hanya untuk negara maju sahaja tetapi juga untuk negara-negara membangun seperti Malaysia sangat memerlukan untuk mencungkil pendapat pemimpin dan orang awam dan jika tidak, kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah kita.</p>

4. PERBINCANGAN (VIII)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Datuk Mohd Zaid Ibrahim	<p>Prinsip demokrasi kita adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. YDPA mempunyai kuasa untuk melantik Perdana Menteri dan ini tidak perlu dibincangkan lagi. Tetapi jika YDPA melantik Perdana Menteri ‘pilihan baginda’ demi kestabilan, ini adalah kerajaan yang dilantik oleh YDPA dan bukannya dipilih oleh rakyat. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh bercakap hal ini kerana kerangka tafsiran Akta Hasutan luas.</p> <p>Kalau kita hendak menyelamatkan Malaysia, kita harus membenarkan masyarakat bercakap mengenai pelbagai perkara, namun ia juga harus tertakluk kepada batasan-batasan seperti keganasan dan penganiayaan.</p> <p>Kerajaan sebenarnya telahpun mempunyai pelbagai agensi yang sedia ada dan mekanisme untuk menguruskan isu-isu yang berkaitan Akta Hasutan.</p>

4. PERBINCANGAN (IX)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Datuk Tun Faisal Ismail Aziz	<p>Terdapat banyak usaha yang telah dilakukan oleh pemimpin terdahulu seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Program Transformasi Politik oleh DS Najib untuk mengkaji semula akta-akta lama yang berbentuk drakonian seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, Akta Hasutan, dan ISA. Malah, terdapat usaha untuk menggantikan Akta Hasutan kepada Akta Keharmonian Nasional namun ketika itu ia telah ditentang oleh pelbagai pihak. ● Rentetan itu, Tan Sri Muhyiddin juga telah mengeluarkan arahan untuk mengkaji semula akta-akta zalim dan mengenakan moratorium atau menggantung Akta Hasutan pada zaman beliau menjadi PM. <p>Malangnya, kerajaan kini di bawah PMX pula tidak memberikan komitmen terhadap pemansuhan akta ini.</p> <p>Pakatan Harapan tidak diundi untuk memansuhkan Akta Hasutan tetapi pada PRU-15 sokongan kepada PH dipengaruhi oleh faktor seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kempen Anti-Najib; ● Janji untuk menurunkan kos sara hidup; ● Menghapuskan PTPTN; dan ● Sentimen memberi peluang kepada Anwar untuk menjadi PM.

4. PERBINCANGAN (X)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Tuan Zaid Malek	<p>Dari segi perundangan, isu pokok adalah perbezaan pentafsiran di atas kertas dan tafsiran di mahkamah serta aspek penguatkuasaan tangkapan melibatkan kes hasutan.</p> <p>Contohnya, isu Mendiang Karpal Singh mengenai pertikaian pelantikan Menteri Besar Perak pada tahun 2008. Adakah ini menurut Perlembagaan dikira sebagai mencabar keputusan Istana? Mengapa tidak diambil tindakan di bawah Akta Hasutan?</p> <p>Selain ahli-ahli politik, Akta Hasutan juga dilihat tidak adil kepada masyarakat awam kerana proses pendakwaan yang lazimnya memerlukan kos kewangan yang tinggi.</p> <p>Isu elemen niat dalam Akta Hasutan adalah sangat tidak adil kepada masyarakat awam.</p> <p>Malah, 3R kini digunakan sebagai justifikasi sebagai ‘benteng kepada institusi raja dan orang Melayu’ oleh PH. Situasi ini mempunyai kontradiksi dan tidak konsisten dengan isu Mendiang Karpal Singh yang mempertikai pelantikan Menteri Besar Perak pada tahun 2008.</p> <p>Kebebasan juga bermaksud seseorang individu berhak untuk mendapatkan penjelasan daripada pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan jika ada pelaksanaan undang-undang yang menutup ruang bersuara seseorang individu.</p>

4. PERBINCANGAN (XI)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Tuan Zaid Malek	Tidak harus disekat kebebasan bersuara disebabkan oleh beberapa individu yang menyalahgunakan akta ini.
Perbincangan Pusingan (Refleksi Hasutan) 3 Akta	<p>Soalan yang diutarakan oleh moderator:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Adakah akta ini masih relevan kepada pihak penguasa (Kerajaan) dan rakyat? Atau akta ini sebenarnya hanya relevan kepada Kerajaan untuk mengukuhkan kuasanya? 2. Apakah kesukaran untuk memansuhkan akta ini? 3. Adakah sinar harapan untuk akta ini dimansuhkan satu hari nanti dan adakah rakyat sudah bersedia untuk akta ini dimansuhkan?"
Input dari Datuk Tun Faisal Ismail Aziz	<p>Rakyat akan hilang keyakinan kepada kerajaan jika sekiranya kerajaan terus tidak berlaku adil. Akta Hasutan tidak harus digunakan untuk kepentingan sebelah pihak sahaja sehingga menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan. Sebarang penyalahgunaan guna kuasa boleh merosakkan sesebuah kerajaan.</p> <p>Sebagai contoh, SKMM dahulunya lebih terbuka di bawah kepimpinan Tan Sri Annuar Musa sewaktu pandemik. Malangnya, di bawah YB Fahmi Fadzil, suara rakyat sekarang lebih sempit dan dikongkong menggunakan SKMM.</p>

4. PERBINCANGAN (XII)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Datuk Tun Faisal Ismail Aziz	<p>Kerajaan Madani juga bersikap defensif (<i>in denial</i>). Kerajaan dulu yang disalahkan dan bukannya bertindak untuk memperbaiki situasi sekarang. Malah mereka memilih untuk menutup suara rakyat.</p> <p>Kerajaan dahulu menerima sahaja suara yang dilemparkan oleh rakyat. Malah Kerajaan sebelum ini juga mengambil suara rakyat untuk diketengahkan serta memperbaiki kelemahan yang ada.</p> <p>Akta Hasutan asalnya diadakan bertujuan untuk menjaga keharmonian kaum kerana terdapat pelbagai kaum di Malaysia.</p>
Input dari Tuan Zaid Malek	<p>Asas demokrasi itu apa? Demokrasi itu bermaksud memberi kepada rakyat dan orang ramai kerana rakyat yang memilih kerajaan. Pada masa yang sama, rakyat harus berfikir secara matang dan tetapkan ke mana arah tuju negara kita.</p> <p>Jika sekiranya kitakekalkan Akta Hasutan ini, harus ada keadilan kepada kedua-dua belah pihak sama ada kerajaan maupun pembangkang.</p>

4. PERBINCANGAN (XIII)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Tuan Zaid Malek	<p>Rakyat harus berhati-hati memilih naratif-naratif yang diberikan oleh ahli-ahli politik.</p> <p>Rakyat mempunyai hak dan kebanyakan telah matang dalam memilih kerajaan sekarang. Ia terpulang kepada seseorang individu itu dan telah termaktub dalam perlumbagaan.</p>
Input dari Datuk Mohd Zaid Ibrahim	<p>Tiada harapan untuk Akta Hasutan ini dimansuhkan kepada rakyat Malaysia.</p> <p>Perlu ada pendekatan yang lebih rasional. Undang-undang yang sedia ada harus memberi ruang untuk rakyat berfikir dan memahami baik buruk mengenai masalah yang sedia ada.</p> <p>Tidak ada sinar untuk akta ini dimansuhkan kerana budaya politik kita tidak berubah.</p> <p>Rakyat harus menukarkan mentaliti "<i>leader knows best</i>".</p> <p>Budaya politik di Malaysia harus memberikan kebebasan kepada sistem pendidikan supaya rakyat dapat bercakap mengenai hak orang Melayu, hak orang Islam dan semua perkara lain.</p>

4. PERBINCANGAN (XIV)

PERKARA	PERINCIAN
Input dari Datuk Mohd Zaid Ibrahim	<p>Harus berbalik pada pangkal kita iaitu Perlembagaan Malaysia. Walaupun tidaklah 100% lengkap tetapi sebagai asas negara ia sebenarnya telah mencukupi. Perlembagaan kita memberi kebebasan, mempunyai ciri-ciri <i>rule of law</i> dan <i>check and balance</i>.</p> <p>Sifat keterbukaan harus ada kepada semua orang-orang politik tidak kira latar belakang apa harus dapatkan satu titik kefahaman dan mereka harus <i>check and balance</i> dalam setiap langkah untuk maju kehadapan membina negara maju.</p>
Sesi Soal Jawab	<p><u>Soalan oleh Encik Viqar Ahmed bin Mohamad, Malaysian Corruption Watch</u></p> <p>Beberapa negara maju telah memansuhkan Akta Hasutan seperti di UK, Canada dan Australia. Rakyat di Malaysia pula kini tidak dapat memberi kritikan dan luahan pemikiran kepada pemimpin akibat takut akan Akta Hasutan. Apakah boleh mansuhkan akta ini?</p> <p><u>Jawapan oleh Datuk Mohd Zaid Ibrahim</u></p> <p>Memansuhkan akta ini sahaja tidak selesai. Masih ada akta lain seperti Seksyen 233. Apa yang perlu ada ialah kesedaran mengenai kebenaran (<i>truth</i>) dan ini tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat.</p>

4. PERBINCANGAN (XV)

PERKARA	PERINCIAN
Sesi Soal Jawab	<p><u>Soalan oleh M. Ali, Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya Bangsar, KL</u></p> <p>Pandangan mengenai kelemahan pendidikan dan kurang kesedaran adalah disebabkan ahli-ahli politik dan organisasi politik. Jadi inilah yang punca pelbagai masalah mengenai Akta Hasutan.</p> <p><u>Jawapan oleh Datuk Mohd Zaid Ibrahim</u></p> <p>Undang-undang ini sememangnya mempunyai masalah. Sekarang undang-undang ini mungkin melindungi pemerintah namun pada masa hadapan mereka juga akan mengalami perkara yang sama. Rakyat perlukan masa untuk mencapai kesedaran.</p> <p><u>Jawapan oleh Datuk Tun Faisal Ismail Aziz</u></p> <p>Sebenarnya, adalah tidak tepat untuk menyalahkan 100% kepada ahli-ahli politik. Sementara untuk rakyat mencapai kesedaran seperti yang Datuk Zaid Ibrahim utarakan, kita perlukan undang-undang ini sebagai panduan. Masalah sekarang ini ialah siapa yang diangkat menjadi ketua kerajaan harus menggunakan akta ini dengan adil dan saksama.</p>

4. PERBINCANGAN (XVI)

PERKARA	PERINCIAN
Sesi Soal Jawab	<p><u>Jawapan oleh Tuan Zaid Malek</u></p> <p>Asasnya adalah demokrasi, <i>by the people for the people</i>, rakyat yang akan mengundi masa depan Malaysia. Rakyat yang sebenarnya tetapkan dan tahu hala tuju masa depan dan pentadbiran negara kerana mereka berdepan dengan realiti semasa.</p> <p>Sebaik mana Perdana Menteri yang kita ada, undang-undang ini memberi ruang kepada pemerintah untuk mempertahankan kuasa mereka. Rakyat juga mempunyai peranan untuk menentukan objektif parti politik dan tidak hanya mengikut acuan yang ditetapkan oleh parti-parti politik.</p>
	<p><u>Soalan oleh Arutchelvan, Deputy Chairperson, Parti Sosialis Malaysia</u></p> <p>Ada kekeliruan apabila Datuk Tun Faisal menyatakan posisi beliau iaitu Akta Hasutan harus dikekalkan dan masalah yang timbul adalah kerana penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah yang salah. Di negara kita tiada <i>separation of powers</i>. Jika apabila nanti PN menerajui kerajaan, ada potensi akta ini akan disalahgunakan jika tidak mansuhkan, termasuk akta-akta yang zalim yang lain.</p>

4. PERBINCANGAN (XVII)

PERKARA	PERINCIAN
Sesi Soal Jawab	<p><u>Jawapan oleh Datuk Tun Faisal Ismail Aziz</u></p> <p>Akta Hasutan perlu dikekalkan. Kalau dilihat dari segi sejarah, akta ini membantu menjaga keamanan negara dari membanteras komunis sehinggalah mengurus peristiwa 13 Mei. Jadi, kemakmuran yang dikecapi sekarang adalah kerana adanya akta ini. Yang menjadi masalah sekarang ialah salah guna kuasa, rakyat harus memilih pemimpin yang betul.</p> <p>Dalam hal Tan Sri Muhyiddin, beliau dikenakan tekanan menggunakan akta hasutan kerana bercakap perkara yang jelas dan berfakta. Ini tidak sepatutnya berlaku dan beliau tidak sepatutnya dikenakan tindakan.</p>

5. BIODATA MODERATOR



YBRS. TUAN MOHAMAD SIDDIQ BIN MOHD AZANI

Mohamad Siddiq Mohd Azani merupakan seorang Peguambela & Peguamcara yang beramat di Tetuan Siddiq Azani & Co. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Teknologi Mara pada tahun 2011. Beliau telah diterima masuk sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 2012. Sepanjang karier sebagai seorang peguam, beliau memfokuskan bidang litigasi, pewarisan harta dan harta tanah. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pegawai tugas-tugas khas kepada Menteri Luar Negeri pada tahun 2021 hingga 2022.

5. BIODATA AHLI PANEL 1



YBHG. DATUK TUN FAISAL ISMAIL BIN AZIZ

Datuk Tun Faisal Ismail Aziz kini merupakan Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Wilayah Persekutuan. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Farmasi dengan Kepujian pada tahun 1996 dari Universiti Sains Malaysia. Sebelum ini, beliau pernah memegang jawatan selaku Setiausaha Akhbar Kepada bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan Menteri Komunikasi dan Multimedia pada tahun 2020 hingga 2021. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Panel Pemikir dan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) pada tahun 2014 hingga 2018.

5. BIODATA AHLI PANEL 2



YBHG. DATUK MOHD ZAID IBRAHIM

Datuk Zaid ialah seorang *Barrister-At-Law (Inner Temple)* dan telah diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1976. Beliau mengasaskan Zaid Ibrahim & Co., firma guaman terbesar di Malaysia, dan memainkan peranan penting dalam mengembangkan jenama ZICO di Asia Tenggara. Pada tahun 2008, beliau berkhidmat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dengan fokus pada reformasi undang-undang. Datuk Zaid juga menyumbang kepada penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kini, beliau telah bersara dari politik dan aktif menulis tentang isu politik serta sosio-ekonomi Malaysia.

5. BIODATA AHLI PANEL 3



YBRS. TUAN ZAID ABD MALEK

Zaid Abd Malek merupakan seorang peguam dan aktivis hak asasi manusia yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau kini menjawat jawatan sebagai Pengarah di *Lawyers for Liberty* (LFL), sebuah organisasi yang terlibat dalam memperjuangkan hak-hak asasi di Malaysia. Beliau sering terlibat dalam forum, debat, serta lantang menyuarakan pendapat berkenaan isu-isu seperti kebebasan bersuara, hak tahanan, penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa, serta menentang undang-undang yang menekan kebebasan individu demi menegakkan perundangan secara adil.

6. SENARAI KEHADIRAN (I)

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Mohamad Siddiq Bin Mohd Azani	Tetuan Siddiq Azani & Co.
2	Datuk Mohd Zaid Ibrahim	Zaid Ibrahim & Co.
3	Datuk Tun Faisal Ismail Bin Aziz	Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)
4	Tuan Zaid Abd Malek	Lawyers for Liberty
5	Encik Jemale Paiman	Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia
6	Encik Sridaran	SEDAR Institute
7	Encik Seow E Kin Zane Ryan	SEDAR Institute
8	Encik M. Ali	Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya
9	Encik Najmuddin Hj Mahmood	Sheikh Qalam Berhad / Persatuan Anak Melayu Johor
10	Encik Muhammad Ammar Syahmi Anuar	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
11	Encik Mohd Zaharil Saleh	Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM)
12	Encik Arutchelvan	Parti Sosialis Malaysia (PSM)
13	Encik Mohd Fadhli Rahmat Fakri	Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC)
14	Puan Nuratikah Mohd Zainodin	Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC)
15	Encik Tew Jia Yu	Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC)

6. SENARAI KEHADIRAN (II)

BIL	NAMA	ORGANISASI
16	Encik Puvanesswaran Manokaran	Malaysian Indian People's Party (MIPP) Youth
17	Cik Aishah Rafiq	Malaysian Indian People's Party (MIPP) Youth
18	Encik Lingesh	Malaysian Indian People's Party (MIPP) Youth
19	Encik Mohd Khairul Firdaus Mohd Rejab	
20	Encik Abu Marshah Petot	Muafakat Nasional
21	Dato' Seri Abdul Mutalib Razak	Mutalib Wan & Co
22	Dato' Mior Kamarulbaid Mior Shahid	Yayasan Salam Malaysia
23	Encik Edwin Chen	Pusat Khidmat Adun Semenyih
24	Encik Mohd Rizal Jaapar	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
25	Puan Sukmamurni Abdul Manaf	WADI Malaysia
26	Encik Muhamad Akmal Farhan Yaakop	Persolkelly
27	Puan Adriana Abu	HBA
28	Datin Noor Azimah Abdul Rahim	Parent Action Group for Education Malaysia (PAGE)
29	Encik Megavanan A/L Balakrishnan	Meghan & Kay Resources
30	Encik Lawrance A/L Sinappan	Ren Global Sdn Bhd

6. SENARAI KEHADIRAN (III)

BIL	NAMA	ORGANISASI
31	Puan Wan Roslili Abd Majid	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
32	Cik Wendy Subramaniam	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
33	Encik Tan Chee Chong	Pertubuhan Minda & Sosial Prihatin
34	Dr. Pauline Leong	Sunway University
35	Encik Viqar Ahmed Mohamam	Malaysia Corruption Watch (MCW)
36	Dr. Zouhair Rosli	DM Analytics
37	Encik Farid Muzaffar	DM Analytics
38	Encik Azril Mohd Amin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
39	Encik Azhan Hasan	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
40	Encik Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
41	Encik Zainal Izzuddin Zainal Rahim	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
42	Encik Mohd Arif Kamaruddin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
43	Encik Khairul Syakirin Zulkifli	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
44	Encik Sebastian Sim Why Jean	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
45	Encik Muhammad Ainul Hakim Norazmi	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

6. SENARAI KEHADIRAN (IV)

BIL	NAMA	ORGANISASI
46	Encik Muhammad Fadzil Anif	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
47	Cik Lili Fariza Ariffin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
48	Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
49	Cik Liwani Che Long	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
50	Cik Intan Syafinaz Amli	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

7. GAMBAR SEMASA PROGRAM (I)



7. GAMBAR SEMASA PROGRAM (II)



7. GAMBAR SEMASA PROGRAM (III)



8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (I)

 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

FORUM

AKTA HASUTAN

WAJARKAH DIKEKALKAN?

MODERATOR

- 
- 
- 
- 

YBrs. Tuan Mohamad Siddiq Mohd Azani
 Managing Partner
 Siddiq Azani & Co

YBhg. Datuk Tun Faisal Ismail Aziz
 Ketua Penerangan
 BERSATU
 Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Mohd Zaid Ibrahim
 Bekas Menteri
 di Jabatan Perdana
 Menteri (JPM)

YBrs. Tuan Zaid Abd Malek
 Pengarah
 Lawyers for Liberty

23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)
2.00 - 4.40 PETANG
PAUM CLUBHOUSE



IMBAS
UNTUK DAFTAR

X @INSTITUTMASA  INSTITUTMASA.COM 

 Institut Masa Depan Malaysia @institutmasa · Sep 12

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) akan menganjurkan satu sesi forum 'Akta Hasutan: Wajarkah Dikekalkan?' bagi membincangkan secara ilmiah dan rasional mengenai kewajaran serta penambahbaikan kepada Akta Hasutan 1948 (Pindaan 2015).

(1/4)

FORUM

AKTA HASUTAN

WAJARKAH DIKEKALKAN?

MODERATOR

- 
- 
- 
- 

YBrs. Tuan Mohamad Siddiq Mohd Azani
 Managing Partner
 Siddiq Azani & Co

YBhg. Datuk Tun Faisal Ismail Aziz
 Ketua Penerangan
 BERSATU
 Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Mohd Zaid Ibrahim
 Bekas Menteri
 di Jabatan Perdana
 Menteri (JPM)

YBrs. Tuan Zaid Abd Malek
 Pengarah
 Lawyers for Liberty

23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)
2.00 - 4.40 PETANG
PAUM CLUBHOUSE



IMBAS
UNTUK DAFTAR

X @INSTITUTMASA  INSTITUTMASA.COM 

8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (II)

The poster features a blue background with white horizontal lines. At the top right is the Institut Masa Depan Malaysia logo. Below it, the word "FORUM" is written in a white sans-serif font. In the center, the title "AKTA HASUTAN" is displayed in large red capital letters, followed by "WAJARKAH DIKEKALKAN?" in white capital letters. Below the title, the text "3 HARI LAGI" is written in large white capital letters. At the bottom left, the date "23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)" and time "2.00 - 4.40 PETANG" are listed, along with the location "PAUM CLUBHOUSE". On the bottom right, there is a QR code and the text "IMBAS UNTUK DAFTAR". Social media icons for X, Instagram, Facebook, and LinkedIn are at the very bottom.

The top image shows a panel discussion with four men seated in armchairs, each holding a microphone. The bottom image shows a man speaking into a microphone while another woman sits behind him. Both images feature the Institut Masa Depan Malaysia logo and the forum title in the background. At the bottom, social media icons for X, Instagram, Facebook, and LinkedIn are present, along with the website "INSTITUTMASA.COM" and the Institut Masa Depan Malaysia logo.

8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (III)

FORUM
AKTA HASUTAN
WAJARKAH DIKEKALKAN?



The image shows four panels of a forum discussion. The top-left panel features a man in a blue shirt speaking into a microphone. The top-right panel shows three men seated on a stage. The bottom-left panel shows two men seated, one speaking. The bottom-right panel shows a man gesturing while speaking. The background includes the Institut Masa Depan Malaysia logo and banners.

X    @INSTITUTMASA  INSTITUTMASA.COM 

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

FORUM
AKTA HASUTAN
WAJARKAH DIKEKALKAN?



The image shows five panels of people networking at the forum. The top row shows groups of men in various stages of conversation. The bottom row shows more individuals and a group seated around a round table with food and drinks. The background includes the Institut Masa Depan Malaysia logo and banners.

X    @INSTITUTMASA  INSTITUTMASA.COM 

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (IV)

FORUM
AKTA HASUTAN
WAJARKAH DIKEKALKAN?



INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

X    @INSTITUTMASA  INSTITUTMASA.COM 

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

FORUM
AKTA HASUTAN
WAJARKAH DIKEKALKAN?



INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

X    @INSTITUTMASA  INSTITUTMASA.COM 

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

8. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (V)



The banner features the Institut Masa Depan Malaysia logo on the left, followed by the text "FORUM AKTA HASUTAN WAJARKAH DIKEKALKAN?" in large red and white letters. Below the text is a photograph of four panelists seated on a stage, facing an audience. The stage backdrop includes the "MAKMUR MERSAMA" logo.

Terima Kasih
kepada yang telah hadir dan menjayakan sesi tersebut.

X **Instagram** **Facebook** **LinkedIn** @INSTITUTMASA **Website** INSTITUTMASA.COM

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

institutmasa • Follow

institutmasa Institut Masa Depan Malaysia (MASA) ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada yang hadir dan menjayakan sesi forum 'Akta Hasutan: Wajarkah Dikekalkan?' yang dianjurkan di PAUM Clubhouse, semalam.

MASA juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan ahli panel dan moderator yang sudi meluangkan masa untuk berkongsi pandangan tentang kewajaran dan penambahbaikan kepada Akta Hasutan 1948.

Menerusi perbincangan forum tersebut, Akta Hasutan perlu segera dinilai semula dan mengambil kira tahap pengetahuan masyarakat civil berkenaan undang-undang ini agar memastikan ruang yang adil dan selamat dapat diberikan kepada rakyat untuk bersuara dan membincangkan isu-isu penting secara matang.

Like Comment Share

Liked by hateyoubuti and 8 others
September 24

Add a comment... Post



INSTITUT MASA
DEPAN MAI ASIA

#MAKMURBERSAMA

- INSTITUTMASA.COM
- info@institutmasa.com